

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT ANALISIS DIWAN AL-SHAFI'I

Najihah Abd Wahid, Anas Mohd Yunus, Siti Fatimah Salleh, Khazri Osman

### ABSTRAK

Aspek-aspek pembangunan modal insan adalah antara aspek yang banyak dikeutarakan oleh Imam al-Shafi'i dalam diwan beliau. Kertas kerja ini akan membincangkan secara ringkas aspek-aspek pembangunan modal insan yang telah diberi perhatian oleh Imam al-Shafi'i dalam diwan beliau. Dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan, kajian ini akan meneroka teks-teks ungkapan beliau yang secara langsung membantu pembangunan modal insan. Dapatkan kajian menunjukkan, Imam al-Shafi'i melantunkan hampir 15 teks penting berkaitan aspek-aspek pembangunan modal insan. Kajian ini diharap dapat membantu dari sudut menerapkan nilai-nilai penting dalam usaha untuk membangunkan modal insan sejagat.

Kata kunci: *modal insan, Imam al-Shafi'i, diwan*.

### Pendahuluan

Dalam konteks Malaysia semasa, terdapat beberapa orang sarjana tempatan yang sering menimbulkan kritikan dan jalan penyelesaian untuk mewujudkan sebuah negara yang seimbang dari sudut pembangunan rohani dan jasmani, duniai dan ukhrawi, antaranya Hashim Musa (Hashim Musa 2004), Mohd Kamal Hassan (Mohd Kamal Hasan 1996) dan Wan Mohd Nor Wan Daud (2001). Walaupun gagasan yang diutarakan oleh sarjana-sarjana ini tidak memakai nama pembangunan modal insan, sedikit sebanyak ia bersesuaian dengan pendekatan pembangunan modal insan itu sendiri, khususnya jika dirujuk kepada perspektif pendekatan budaya ilmu yang dipilih untuk menerapkan usaha pembangunan modal insan untuk masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Islam. Kritikan-kritikan yang biasa dikeutarakan adalah peminggiran terhadap nilai-nilai Islam dan pembangunan modal insan dalam konteks pembangunan negara yang ghairah mengejar kemajuan industri dan teknologi. Hal ini dapat diperhatikan menerusi beberapa penulisan oleh sarjana-sarjana tempatan kita.

Antaranya adalah Wan Mohd Noor Wan Daud (2001) yang menegaskan bahawa sikap berlebihan yang menumpukan sektor ekonomi yang mempergunakan sumber alam secara maksimum tanpa mempedulikan impak ekologi akan mengancam keseimbangan alam untuk jangka masa panjang (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001). Demikian menurut Rahimin Affandi (1999) yang menyebut bahawa pendekatan yang mempergunakan produk hiburan berteraskan budaya hedonisme menggunakan ikon-ikon artis barat telah menimbulkan pelbagai krisis moral yang meruncing. Wan Mohd Noor Wan Daud (2001) pula sekali lagi menegaskan bahawa pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden akan merosakkan pembangunan jatidiri insan (Wan Mohd Noor Wan Daud 2001).

### Konflik dalam Membangunkan Modal Insan

Dalam konteks Malaysia semasa, terdapat beberapa orang sarjana tempatan yang sering menimbulkan kritikan dan jalan penyelesaian untuk mewujudkan sebuah negara yang seimbang dari

sudut pembangunan rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi, antaranya Noraian (2012), Hashim Musa (2004), Mohd Kamal Hassan (1996) dan Wan Mohd Nor Wan Daud (2001). Walaupun gagasan yang diutarakan oleh sarjana-sarjana ini tidak memakai nama pembangunan modal insan, sedikit sebanyak ia bersesuaian dengan pendekatan pembangunan modal insan itu sendiri, khususnya jika dirujuk kepada perspektif pendekatan budaya ilmu yang dipilih untuk menerapkan usaha pembangunan modal insan untuk masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Islam. Kritikan-kritikan yang biasa dikeutarakan adalah peminggiran terhadap nilai-nilai Islam dan pembangunan modal insan dalam konteks pembangunan negara yang ghairah mengejar kemajuan industri dan teknologi. Hal ini dapat diperhatikan menerusi beberapa penulisan oleh sarjana-sarjana tempatan kita.

Haryati Shafi'i et all (2009) melihat bahawa modal insan seharusnya dilengkapi dengan nilai-nilai murni dan optimistik. Ini kerana matlamat pembangunan bukanlah bukanlah untuk tujuan pembangunan (material) semata-mata. Sebaliknya, pertumbuhan adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia dan untuk meningkatkan tamadun manusia.

Abd Ghani Kanesan et all (2007), dalam kajian mereka melihat bahawa IPTA mempunyai peranan yang besar dalam memantapkan pembangunan modal insan. Menurutnya lagi, Secara tradisinya, institusi pengajian tinggi (IPT) menyediakan tempat yang ideal untuk menuntut ilmu pengetahuan, di samping menjadi pusat atau sumber yang mampu menghasilkan tenaga kerja yang produktif untuk keperluan masyarakat (Aziah, Sufean & Abdul Ghani, 2007). Tindakan ini dilihat sebagai memenuhi tanggungjawab kepada negara kerana kemajuan dalam kualiti modal insan (human capital) merupakan komponen yang amat penting dalam pengwujudan dan penambahan modal yang dimiliki oleh negara (Sufean, 2002).

Demikian menurut Rahimin Affandi (1999) yang menyebut bahawa pendekatan yang mempergunakan produk hiburan berteraskan budaya hedonisme menggunakan ikon-ikon artis barat telah menimbulkan pelbagai krisis moral yang meruncing. Wan Mohd Noor Wan Daud (2001) pula menegaskan bahawa pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden akan merosakkan pembangunan jatidiri insan.

Dengan kenyataan-kenyataan di atas, aspek-aspek pembangunan modal insan menurut kacamata Imam al-Shafi'i r.h.m wajar diketengahkan untuk panduan umum khususnya pihak berwajib untuk menyemarakkan usaha-usaha pembangunan modal insan dalam masyarakat Malaysia.

### **Imam al-Shafi'i dan Pembangunan Modal Insan**

Dengan kenyataan-kenyataan di atas, aspek-aspek pembangunan modal insan menurut kacamata Imam al-Shafi'i r.h.m wajar diketengahkan untuk panduan umum khususnya pihak berwajib untuk menyemarakkan usaha-usaha pembangunan modal insan dalam masyarakat Malaysia. Bersuaian dengan masyarakat Malaysia yang mempraktikkan mazhab Shafi'i, maka aspek-aspek pembangunan modal insan yang dikeutarakan oleh beliau akan lebih mudah dihadam dan diterimapakai oleh masyarakat Malaysia.

Imam al-Shafi'i rhm banyak menekankan aspek-aspek pembangunan modal insan yang bermula dari aspek penyucian jiwa dan hati. Penyucian ini, akan melahirkan insan kamil yang mempunyai matlamat yang jelas dalam pembangunan jasmani dan rohani, tanpa tersasar dari nilai-nilai dan etika-


etika yang telah digariskan dalam Islam. Pendekatan beliau diharap dapat menjadi garis panduan umum dalam rangka untuk menyemarakkan lagi usaha-usaha pembangunan modal insan di negara ini.

Menurut beliau, pembangunan modal insan bermula dari pembangunan dalaman insan (al-Qalb). Oleh itu, proses pembentukan sumber manusia ke arah insan berkualiti seharusnya bermula sejak manusia itu dilahirkan atau lebih awal semenjak dalam kandungan lagi dan berterusan pada peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan akhirnya ke akhir hayat. Ini bermaksud, proses pembentukan modal insan dan sumber manusia yang berkualiti seharusnya bermula sejak awal dan berterusan atau ‘proses sepanjang hayat’ dan perlulah seimbang antara pembangunan fizikal dan pembangunan sosial (Najihah, 2016).

#### **Aspek-aspek Pembangunan Modal Insan Dalam Teks Ungkapan**

Dengan menganalisis Diwan al-Shafi'i sebagai data primer dalam pengumpulan data, maka penulisan ini akan memperincikan aspek-aspek pembangunan modal insan Imam al-Shafi'i yang bersesuaian untuk membina dan memantapkan lagi ketamadunan Islam. Terdapat 15 teks ungkapan kesemuanya yang merangkumi aspek Takhalli Insan, Tahalli Insan dan Tajalli Insan. Daripada ketigatiga aspek ini, penulisan yang ringkas ini akan memberikan satu contoh teks ungkapan untuk setiap aspek yang dikeutarakan beliau. Teks-teks ungkapan yang lain boleh dirujuk dalam Geran Penyelidikan Universiti UNISZA 2015/079.


Rajah di bawah dapat menggambarkan aspek-aspek pembangunan modal insan Imam al-Shafi'i secara keseluruhan, hasil daripada analisis kandungan terhadap Diwan al-Shafi'i.



Rajah 1: Pengumpulan Teks Pembangunan Modal Insan Imam al-Shafi'i (Najihah 2015)

Tiga aspek utama pembangunan modal insan dikenalpasti dalam Diwan al-Shafi'i setelah penelitian terperinci dilakukan melalui pendekatan analisis kandungan. Justeru itu, penulisan ini akan membentangkan satu contoh teks untuk setiap aspek ini.

Ringkasan contoh teks yang dibentangkan dalam penulisan ini dapat digambarkan melalui rajah di bawah:



Rajah 2: Tiga Aspek Pembangunan Modal Insan dan Tema Teks Ungkapan

### 1. Pembangunan Modal Insan dalam Aspek Takhalli Insan

Contoh Teks Takhalli Insan : Membuang Kedengkian Dengan Maaf

*Sewaktu aku memberi maaf dan tiada perasaan dendki pada orang lain, aku menjadi tenang dari permusuhan yang merisaukan*

*Sesungguhnya aku akan menyapa musuhku tika aku bersua dengannya, lalu aku dapat menghindari kejahanan ke atasku dengan sapaan*

*Kutampakkan wajah yang cerah kepada orang-orang yang kubenci, seolah-olah hatiku dipenuhi dengan segera rasa riang*

*Manusia itu adalah penyakit dan penyakit manusia adalah mendekatinya sedang menjauhi mereka akan terputus rasa kasih sayang*

(Mahmud Rabi': 2005)

Teks ungkapan di atas bertemakan kemaafan terhadap musuh yang melakukan kesalahan terhadap diri insan. Membuang kedengkian dan kegusaran hati dengan memberi kemaafan adalah antara aspek terpenting dalam takhalli insan. Takhalli Insan di sini bermaksud pengosongan jiwa dari segala dendam dan sifat-sifat mazmumah yang dianggap sebagai penyakit jiwa. Dalam teks ini, sikap memaafkan ini dikatakan akan dapat merehatkan diri seseorang. Justeru itu, sifat memaafkan ini menurut Imam al-Shafi'i antara sifat yang akan dapat membangunkan aspek modal insan kerana ia membuang segala kedengkian dan irihati sesama insan. Sambil menyeru manusia agar membuang kedengkian dan sentiasa memberi maaf, Imam al-Shafi'i r.h.m. menyatakan yang beliau hanya akan tenang dengan memberi maaf dan penghormatan kepada orang yang memusuhi. Aspek yang dikeutarakan oleh beliau ini akan memandu insan ke arah pembangunan modal insan yang lebih berkualiti.

## 2. Pembangunan Modal Insan dalam Aspek Tahalli Insan

Contoh Teks Tahalli Insan : Qanaah Sebagai Hiasan Diri

*"Kulihat qanaah itu kepala kekayaan, maka aku berpegang teguh hingga ke ekornya.*

*Maka tiada yang melihatku (meminta-minta) di pintu rumahnya, tidak juga aku mengambil peluang (untuk mendapatkan habuan).*

*Maka aku kaya tanpa dirham, seolah-olah aku raja kepada diriku sendiri"*

(Muhammad Yusuf al-Biqiae 1986: 95; Muhammad Afif al-Zu'biy 1991: 67; Muhammad Ibrahim Salim 1998: 113)

Teks ungkapan di atas bertemakan sifat qanaah yang dapat menyelamatkan diri insan dan secara tidak langsung ia membantu membangunkan modal insan. Imam al-Shafi'i menggambarkan hiasan diri dengan sifat qanaah sebagai aspek penting dalam Tahalli Insan. Tahalli insan di sini bermaksud menghiasi diri dan jiwa dengan sifat-sifat mahmumah yang dapat menjernihkan jiwa. Dalam teks ini, kecukupan seseorang dengan apa yang dianugerahkan Tuhan padanya menjadikan seseorang itu kaya diri. Kecukupan ini adalah sifat hiasan diri yang penting dalam membangunkan modal insan. Justeru itu, sifat ini menurut Imam al-Shafi'i akan dapat menjauhkan seseorang dari sifat rakus dan menuntut sesuatu yang bukan haknya. Hiasan sifat ini akan menjadikan seseorang insan itu raja kepada dirinya sendiri dan inilah yang digambarkan sebagai qanaah yang sebenarnya yang akan menjadi hiasan penting pada jiwa insan. Aspek kedua ini akan membantu pembangunan modal insan dan menguatkan lagi jatidiri insan dalam mendepani pelbagai mehnah hidup.

## 3. Pembangunan Modal Insan dalam Aspek Tajalli Insan

Contoh Teks Tajalli Insan : Taqwa Sifat Teragung

*Setiap orang berkeinginan untuk dipenuhi hajatnya, Allah tidak memberi melainkan apa yang dikehendakiNYA*

*Setiap orang mengatakan Manfaatku dan hartaku(adalah segala-galanya), sedang taqwa Allah adalah yang paling utama manfaat untuknya*

(Muhammad Afif al-Zu'biy 1971: 43; Muhammad Abd Mun'im Khafaji 1322H: 74; Muhammad Ibrahim Salim 1998: 47)

Teks ungkapan di atas bertemakan ketaqwaan terhadap Allah s.w.t yang mempunyai kuasa mutlak terhadap diri insan. Sifat taqwa adalah antara sifat tertinggi dalam tajalli insan. Tajalli insan di sini bermaksud sifat-sifat yang agung yang hanya menghiasi diri orang-orang yang hampir kepada Allah. Mereka adalah golongan muqarrabin yang telah berjaya meletakkan taqwa sebagai sifat yang menjadi asas kepada segala tindakan mereka. Dalam teks ini, sifat taqwa digambarkan sebagai manfaat yang mutlak. Justeru itu, sifat taqwa menurut Imam al-Shafi'i antara sifat utama yang akan dapat membangunkan modal insan. Imam al-Shafi'i r.h.m. menegaskan dalam teks tersebut bahawa taqwa adalah sebesar-besarnya harta dan sebesar-besarnya manfaat walaupun sesetengah manusia menganggap harta dunia adalah segala-galanya. Aspek taqwa yang diungkapkan oleh beliau ini adalah kunci utama yang mempengaruhi segala tindakan insan dan menjamin pembangunan modal insan yang lebih berkualiti.

## Rumusan

Sebagai kesimpulannya boleh dirumuskan bahawa aspek-aspek pembangunan modal insan adalah isu yang sangat dititikberatkan oleh Imam mazhab kita, al-Shafi'i r.h.m. Dilihat daripada analisis yang dilakukan, jelas beliau mengutamakan pembangunan modal insan bermula dari pendidikan hati (al-Qalb). Ketiga-tiga aspek yang dinyatakan dalam kertas kerja ini menekankan pendidikan hati yang boleh membangunkan usaha pembangunan modal insan, sekaligus merangsang pembinaan tamadun yang gemilang sepertimana yang berlaku pada kurun beliau, kurun pertama hijrah.

Aspek-aspek yang diketengahkan oleh beliau dalam takhalli insan ini akan melahirkan insan yang jauh dari sifat-sifat rakus, dengki dan tamak dengan habuan dunia. Sifat-sifat inilah yang akan memusnahkan peradaban dan ketamadunan insan.

Sementara aspek-aspek dalam tahalli insan dan tajalli insan akan membantu insan menjadi insan yang kamil dalam pembangunan modal insan dan kamil di hadapan pengadilanNya nanti. Aspek-aspek batiniah yang diberi penekanan oleh beliau adalah kunci utama dalam usaha membangunkan modal insan. Tanpa keprihatinan terhadap aspek-aspek berkaitan al-Qalb ini, usaha pembangunan modal insan akan menjadi uasaha yang sia-sia.

Dengan itu, kertas kerja ini juga mencadangkan agar pihak-pihak yang bertanggungjawab, khususnya di universiti dan mana-mana komuniti, agar menterjemahkan aspek-aspek pembangunan modal insan ini dalam bentuk perlaksanaan program-program yang berteraskan pendidikan hati (al-Qalb) yang secara langsung dapat merancakkan usaha pembangunan modal insan. Mudah-mudahan kegemilangan umah abad ini akan kembali berulang sebagaimana kegemilangan yang telah dicipta oleh sarjana-sarjana silam pada kurun pertama Hijrah, kurun di mana Imam al-Shafi'i menguasai peradaban dan ketamadunan manusia dengan penuh cemerlang, gemilang dan terbilang.

## DAFTAR PUSTAKA

- Abd Ghani Kanesan et.all (t.th). *Pembangunan Modal Insan Melaui Program Akademik di IPTA Malaysia*. USM Pulau Pinang: MEDC
- Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al. (1391H). *Manaqib al-Shafici li al-Bayhaqi*, Kaherah : Dar al-Nasr
- Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al. (1970). *Manaqib al-Shafii' li al-Bayhaqi*, Pnyt.Sayyid 'Ahmad Saqr. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Biqa'ie, Yusuf al-Shaykh Muhammad al. (1986). *Diwan al-Imam al-Shafii'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Daqar, Abd al-Ghani al. (1972). *Al-Imam al-Shafii' al-Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Haryati Shafi'i et.all. (2009). *Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*. International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009), 25-27 May 2009. Pahang: UTHM. ISBN 978-967-5080-51-7
- Hashim Musa. (2004). *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit UM
- Jundi, Abd al-Halim al. (1969). *Al-Imam al-Shafii'-Nasir al-Sunnah wa Wadhi al-Usul*, Jumhuriyyah al-Arabiyyah al-Muttaqidah: t.tpt
- Khafaji, Muhammad Abd Mun'im. (1322H). *Diwan al-Imam al-Shafii'* . Mesir: Dar Ibn Zaidun

- Mohd Kamal Hassan. (1996). *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia Society*. Kuala Lumpur: ABIM
- Mujahid Muṣṭafa Bahjat. (1986). *Shi'r al-Shafi'i*. Mawsil: Jamiat al-Mawṣil
- Mujahid Mustafa Bahjat. (2003). *Diwan al-Shafi'i*. Baghdad: Dar al-Qalam.
- Mahmud Rabi' .(2005). *Diwan al- Imam al-Shafi'i wa Hikamuhu*. Amman: Dar al-Isra'
- Noraian Mat Lazim dan Nooriah Yusof.(2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia. *Journal Of Social Sciences and Humanities*, Volume 7, Number 2, 308-327, ISSN:1823-884x
- Rahimin Affandi. (1999). Krisis Remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu Tinjauan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 10
- Wan Mohd Noor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISLAC